# MANUAL PENGGUNA

## SISTEM PENDAFTARAN PEPERIKSAAN ULANGAN STPM

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

**MANUAL PENGGUNA BAGI SISTEM PENDAFTARAN PEPERIKSAAN ULANGAN STPM**

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

Alamat URL: https://mecea.mpm.edu.my/STPMDU/

**TAKRIF**

| | |
|---|---|
| Pengguna | Calon peperiksaan STPM tahun semasa. |

## 1. Log Masuk

a. Rajah 1.1 memaparkan halaman log masuk ke Sistem Pendaftaran Peperiksaan Ulangan STPM.




Rajah 1.1: Halaman Log Masuk.

b. Taip masuk nombor kad pengenalan (tanpa tanda '-') dan angka giliran untuk log masuk ke dalam sistem.
**Nota**: Pengguna diminta untuk membaca Panduan Pendaftaran Calon sebelum meneruskan pendaftaran peperiksaan ulangan.

c. Klik pada butang Hantar Pendaftaran Ulangan untuk masuk ke dalam sistem seperti yang dipaparkan pada Rajah 1.1.

d. Sekiranya pengguna tersalah memasukkan maklumat nombor kad pengenalan atau angka giliran, mesej amaran akan dipaparkan kepada pengguna seperti yang dipaparkan di Rajah 1.2. Pengguna diminta untuk mengisi semula maklumat nombor kad pengenalan dan angka giliran yang betul untuk membolehkan pengguna log masuk ke dalam sistem.




Rajah 1.2: Mesej amaran sekiranya salah memasukkan nombor kad pengenalan atau angka giliran.

## 2. Halaman Utama

a. Setelah pengguna klik butang Hantar Pendaftaran, halaman utama akan terpapar seperti di Rajah 2.1. Maklumat yang dipaparkan adalah:

   i. Nama.
   ii. No Kad Pengenalan.
   iii. Angka Giliran.
   iv. Kod Kertas Ulangan: Memaparkan senarai kod kertas yang dibenarkan untuk mengulang beserta gred semester.




Rajah 2.1: Halaman Utama.

b. Pengguna perlu memilih kod kertas ulangan dengan klik pada kotak dibahagian Pilih seperti di Rajah 2.1.
c. Pengguna perlu mengisi maklumat e-mel serta nombor telefon bimbit bagi meneruskan pendaftaran peperiksaan ulangan.
d. Klik pada butang Teruskan untuk ke proses seterusnya seperti yang dipaparkan dalam Rajah 2.2.




Rajah 2.2: Pengguna mengisi maklumat e-mel, no telefon bimbit dan kod kertas ulangan.

e. Mesej amaran akan dipaparkan seperti di Rajah 2.3 sekiranya pengguna tidak memilih kod kertas.




Rajah 2.3: Mesej amaran sekiranya pengguna tidak memilih kod kertas.

f. Sekiranya pengguna tidak hadir sewaktu peperiksaan semester, status ‘**X**’ akan dipaparkan pada bahagian Gred Semester seperti di Rajah 2.4.
**Nota**: Bagi calon yang ditahan akan dipaparkan status ‘**Y**’. Bagi calon yang dibatalkan akan dipaparkan status ‘**Z**’.




Rajah 2.4: Halaman bagi pengguna tidak hadir semester.

g. Pengguna yang berstatus ‘**X**’, ‘**Y**’ dan ‘**Z**’ dibenarkan untuk log masuk ke dalam sistem namun tidak dibenarkan untuk mendaftar peperiksaan ulangan.

## 3. Kemas Kini Maklumat

a. Setelah pengguna klik pada butang Teruskan, pengguna akan dibawa ke halaman semakan maklumat pendaftaran seperti di Rajah 3.1 yang akan memaparkan maklumat seperti berikut:

   i. Nama.
   ii. No kad pengenalan.
   iii. Angka giliran.
   iv. E-mel.
   v. Nombor telefon bimbit.
   vi. Tarikh permohonan pendaftaran.
   vii. Bilangan mata pelajaran diulang.
   viii. Jumlah perlu dibayar.



Rajah 3.1: Halaman semakan maklumat pendaftaran.

b. Pengguna boleh mengemas kini maklumat seperti e-mel, nombor telefon bimbit serta kod kertas yang hendak diulang dengan klik pada butang Kemaskini seperti Rajah 3.1.

c. Seterusnya pengguna perlu klik butang Simpan untuk menyimpan maklumat yang telah dikemas kini seperti yang dipaparkan di dalam Rajah 3.2.
**Nota**: Jumlah perlu dibayar akan dikemas kini secara automatik berdasarkan jumlah kod kertas yang ingin diulang oleh pengguna. Caj satu kertas ulangan ialah RM50.00.



Rajah 3.2: Halaman kemas kini maklumat e-mel, no telefon dan kod kertas ulangan.

d. Sekiranya pengguna tidak ingin mengemas kini maklumat atau telah selesai mengemas kini maklumat, pengguna perlu klik pada butang Bayar untuk membuat pembayaran seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.3.



Rajah 3.3: Proses pembayaran.

## 4. Proses Pembayaran

a. Setelah pengguna klik pada butang bayar, halaman MPMBayar akan terpapar seperti di Rajah 4.1.




Rajah 4.1: Halaman MPMBayar.

b. Untuk membuat pembayaran, pengguna perlu memilih kaedah bayaran melalui SenangPay dengan klik pada bahagian Bayar Melalui SenangPay dan seterusnya klik butang Bayar RM100.00 seperti yang dipaparkan dalam Rajah 4.1.

c. Setelah klik pada bahagian bayar melalui SenangPay, pengguna dapat melihat halaman *Order Summary* di mana pada halaman berikut pengguna boleh memilih kaedah pembayaran sama ada secara Pemindahan InterBank FPX atau bayaran menggunakan kad (Kad Kredit atau Kad Debit) seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4.2.




Pilih bank yang digunakan.

Rajah 4.2: Halaman Order Summary.

## 5. Halaman Status Pendaftaran

a. Setelah pengguna berjaya membuat pembayaran, pengguna akan dibawa ke halaman status pendaftaran seperti di Rajah 5.1 yang akan memaparkan status bayaran serta nombor resit.




Rajah 5.1: Halaman status pendaftaran.

b. Pengguna boleh mencetak resit bayaran dengan klik pada butang Cetak Resit. Rajah 5.2 menunjukkan resit bayaran yang telah dicetak.
**Nota**: Pengguna akan menerima e-mel maklumat pembayaran daripada SenangPay sekiranya pembayaran berjaya dilakukan.

Majlis Peperiksaan Malaysia
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-61261600
Fax: 03-61372413
E-mel: mpmadmin@mpm.edu.my

| | | |
|---|---|---|
| E-mel | : | test@gmail.com |
| No Telefon | : | 0123456789 |
| No. Kad Pengenalan | : | 041225080226 |
| Rujukan Transaksi | : | 172498482914560652 |
| Cara Bayaran | : | FPX |
| Status | : | Berjaya |
| Amaun | : | RM100.00 |
| Tarikh / Masa | : | 30/08/2024 10:27 AM |
| Maklumat Bayaran | : | Daftar Ulangan STPM |
| Rujukan MPMBayar | : | 041225080226-0bb65 |

Resit dijana secara elektronik dan tidak memerlukan tandatangan.
Tarikh Cetakan : 30/08/2024

Rajah 5.2: Contoh resit bayaran.

c. Pengguna boleh mencetak penyata permohonan pendaftaran peperiksaan ulangan dengan klik pada butang cetak penyata seperti yang dipaparkan pada Rajah 5.1. Penyata Permohonan Pendaftaran Peperiksaan Ulangan yang telah dicetak adalah seperti di Rajah 5.3.
**Nota**: Sila simpan penyata permohonan untuk rujukan akan datang. Penyata permohonan ini tidak boleh digunakan untuk masuk ke dewan peperiksaan.

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**
**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**
**Penyata Permohonan Pendaftaran Peperiksaan Ulangan Semester 2 (U2) 2024**

| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | |
| No. Kad Pengenalan | : | |
| No. Angka Giliran | : | |
| E-mel | : | |
| Nombor Telefon Bimbit | : | |
| Tarikh Permohonan Pendaftaran | : | 01-10-2024 |
| Bil. Mata Pelajaran diulang | : | 2 |
| Status Bayaran | : | BERJAYA |
| Nombor Resit | : | 2024120000755 |

| KOD KERTAS ULANGAN | NAMA KERTAS ULANGAN |
|---|---|
| 900/2(U2) | PENGAJIAN AM 2 (Ulangan 2) |
| 944/2(U2) | EKONOMI 2 (Ulangan 2) |

Nota:
LPKC boleh disemak sebulan sebelum peperiksaan di portal MPM di pautan https://www.mpm.edu.my.

Tarikh Cetakan : 01/10/2024

Rajah 5.3: Penyata permohonan pendaftaran peperiksaan ulangan.

## 6. Log Keluar

Untuk log keluar daripada Sistem Pendaftaran Peperiksaan Ulangan STPM, pengguna boleh klik pada butang Kembali ke Laman Utama seperti yang dipaparkan pada Rajah 6.1.




Rajah 6.1: Proses Log Keluar.